

05 AUG 1998

Karpal-Singapura

PENDIRIAN PERDANA MENTERI PERLU DISOKONG, KATA KARPAL

PULAU PINANG, 5 Ogos (Bernama) -- Pendirian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung arahan Singapura supaya Malaysia memindahkan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dari stesen keretapi Tanjong Pagar ke Woodlands perlu diberi sokongan tanpa sebarang alasan dan keraguan lagi.

Timbalan Pengerusi Kebangsaan DAP, Karpal Singh berkata kenyataan Dr Mahathir bahawa Singapura tidak harus ambil mudah terhadap kebaikan Malaysia adalah tepat dan benar.

"Kini tiba masanya bagi Malaysia untuk bertindak," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Beliau berkata Singapura tidak seharusnya menjadi seperti Israel yang secara angkuh mahu menunjuk-menunjukkan kekuatannya dan menakut-nakutkan Malaysia.

"Tindakan mensabotaj jiran yang baik menerusi media dan mengeluarkan arahan memindahkan pusat pemeriksaan CIQ itu menunjukkan sikap tidak matang kerajaan Singapura," kata anggota Parlimen Jelutong itu.

Katanya DAP memberi sokongan ikhlas kepada kerajaan dalam pendiriannya terhadap Singapura mengenai isu ini, dan parti-parti politik daripada kedua-dua belah pihak juga mesti bersatu terhadap Singapura dalam soal ini.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid berkata Singapura tidak harus mengangap Malaysia lemah hanya kerana negara ini bersikap baik terhadap mereka.

"Selalunya orang beranggapan bahawa apabila kita buat baik terhadap seseorang, maka kita adalah lemah," katanya kepada pemberita hari ini ketika diminta mengulas hubungan Malaysia-Singapura masa kini.

Sambil menyifatkan tindakan Singapura berhubung isu Kastam, Imigresen dan Kuarantin sebagai tindakan yang bongkak, beliau berkata pendirian yang diambil oleh Malaysia adalah amaran bahawa negara ini bukan lemah.

"Tindakan Singapura itu bukanlah dilakukan secara kebetulan, tetapi menunjukkan sikap mereka yang sebenar terhadap hubungan mereka dengan kita," katanya.

Beliau berkata Malaysia selama ini berlaku baik terhadap Singapura kerana mengangap mereka sebagai jiran yang harus ditolong dan dibantu tetapi sikap negara itu sungguh mendukacitakan.

"Malaysia sudah hilang sabar sekarang ini," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Majlis Jemaah Menteri Besar dan Ketua Menteri, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata jika Singapura mempunyai niat baik untuk bersahabat, ia perlulah menghormati keputusan Malaysia itu.

"Kita ada kesabaran dan maruah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

Wan Mokhtar berkata "kalau Singapura inginkan orang luar menghormati apa yang mereka buat, mereka (Singapura) juga perlulah menghormati setiap keputusan yang dibuat oleh orang lain."

Beliau berkata hubungan Malaysia dan Singapura telah lama terjalin dan sering bantu-membantu tetapi perlakuan mereka (Singapura) janganlah boleh menyakiti hati orang lain.

Wan Mokhtar yang juga Menteri Besar Terengganu mengingatkan bahawa semua masalah perlu diselesaikan dengan perundingan serta mengamalkan sikap tolak-ansur antara satu sama lain.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata Singapura didapati tidak menunjukkan sikap sebagai jiran yang baik

kerana sebagai rakan yang paling hampir, negara itu sepatutnya menunjukkan keikhlasan dalam persahabatan dan kejiranan.

"Tetapi Singapura nampaknya mengambil langkah-langkah berlawanan malah kadang-kala kita merasakan negara itu terlalu angkuh. Jika keadaan ini berterusan hubungan kedua-dua negara tentu tidak baik," katanya kepada pemberita di sini.

"Pada pandangan saya Singapura cuba meletakkan tekanan kepada Malaysia mungkin disebabkan kita menghadapi masalah ekonomi dan sebagainya. Saya kira tindakan itu salah. Kalau itu dikatakan cara Singapura, kita tidak akan mudah mengalah," katanya.

Beliau yakin sekiranya Singapura mengambil iktibar daripada saranan Perdana Menteri hubungan kedua-dua negara akan baik dan rakyat kedua-dua negara akan menerima faedah yang lebih baik.

-- BERNAMA

RP oba